



Dwibahasa

Dwibahasa^[1] ialah sifat atau keadaan seseorang itu boleh bertutur dalam dua bahasa dengan baik. Kebolehan bertutur lebih daripada dua bahasa dipanggil **nekabahasa**. Ia menjadi amalan di Malaysia untuk seseorang itu berkebolehan menguasai dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terutamanya bagi orang Melayu. Manakala bagi orang Cina dan India, mereka mungkin menguasai lebih daripada itu.

Situasi 'dwibahasa'

Amalan golongan atasan menggunakan bahasa pinjaman dan rakyat menggunakan bahasa peribumi digelar **situasi 'dwibahasa'**.^[2] Hal ini banyak terjadi di negara-negara yang pernah dijajah oleh kuasa besar seperti Malaysia, Filipina, India, Afrika dan lain-lain.

Rujukan

1. Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka. (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bilingual&d=129316&#LIHATSINI>)
 2. Abdullah Hassan. 2004. Kepustakaan dan Bahasa Peribumi sebagai Faktor Kemajuan Bangsa dlm. Dinamika Bangsa Melayu Menongkah Arus Globalisasi. editor Mohamed Anwar Omar Din. Bangi: Penerbit UKM.
-

Diambil daripada "<https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Dwibahasa&oldid=6700671>"